



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

(A)100-4/10 Jld. 6 ( 83 )

Bil. JBNS:

Tarikh : 23 FEB 2023

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil,  
Semua Bendahari Cawangan

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 2 TAHUN 2023 PEMBAYARAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN TAMBAHAN KHAS KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI DALAM KUMPULAN PELAKSANA DAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan tarikh dan kaedah pelaksanaan pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambah Khas (KGTTK) selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2022 (Persekutuan) berkuatkuasa pada 01 Januari 2023.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2023 (PPNS Bil.1/2023), rujukan JPAN: 700-3/1 JLD. 5 /(125) bertarikh 17 Januari 2023.
3. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2023 (PPNS Bil.1/2023) dan Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri boleh didapati melalui laman sesawang <https://www.sabah.gov.my/ecircular>.

#### PELAKSANAAN

4. Pembayaran KGTTK akan dilaksanakan pada bulan **MAC 2023** serentak dengan gaji bulan Mac 2023 berdasarkan kepada kadar pemberian KGT tambahan khas sebanyak RM100 kepada Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional bertaraf tetap, sementara dan kontrak (Contract of Service) seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2023. **Pembayaran ini termasuk tunggakan kenaikan gaji berserta elaun wilayah bagi tempoh 01 Januari 2023 hingga 28 Februari 2023.**
5. Kaedah pelaksanaan pembayaran KGTTK ini juga adalah dipanjangkan kepada Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).

“SABAH MAJU JAYA”



## PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 2 TAHUN 2023

### KAEDAH PEMBAYARAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN TAMBAHAN KHAS MELALUI SISTEM GAJI PUSAT (SGP)

6. Pembayaran KGTTK akan dibuat secara **AUTOMATIK** kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang aktif dibayar melalui Sistem Gaji Pusat pada bulan Mac 2023. Pelarasan kepada gaji pokok baharu dan elaun wilayah adalah berasaskan kepada maklumat gaji anggota dalam Sistem PIS (Payroll Information System) pada bulan Mac 2023. Pembayaran tunggakan gaji dan elaun wilayah bagi tempoh 01 Januari 2023 hingga 28 Februari 2023 juga akan diselaraskan secara automatik.

7. Senarai Anggota Perkhidmatan Awam Negeri (*spread sheet*) yang layak dibayar KGTTK telah diedarkan kepada semua penyedia-penyedia gaji di Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan agar senarai tersebut disemak dengan teliti dan memastikan pembayaran KGTTK kepada setiap anggota yang layak adalah tepat dan teratur serta mengambil tindakan sewajarnya ke atas anggota yang tidak layak dibayar KGGTK tetapi tersenarai sebagai penerima bayaran.

8. Pembayaran KGTTK akan diselaraskan secara automatik untuk gaji dan elaun-elaun berikut:

8.1 Gaji Pokok

8.2 Elaun Wilayah

8.3 Tunggakan Gaji KGTTK 2023  
(bagi bulan Januari - Februari 2023)

8.4 Tunggakan Elaun Wilayah KGTTK 2023  
(bagi bulan Januari - Februari 2023)

9. Elaun Memangku, Elaun Wilayah Pangku, Elaun Kritikal dan elaun-elaun lain yang berkaitan yang tidak tersenarai pada Perenggan 8, **tidak diselaraskan secara automatik**. Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah adalah dikehendaki untuk membuat pelarasan tunggakan elaun-elaun tersebut melalui sistem E-Pay A3 mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan. (*Sila rujuk Kaedah Pelarasan Tunggakan*).

10. **Input bulan April** hendaklah mengambil kira kenaikan gaji sebanyak RM100 dan elaun-elaun lain yang terkesan. Sebarang lebihan/kurangan hendaklah diselaraskan dalam bulan berikutnya.

### PELARASAN TUNGGAKAN KENAIKAN GAJI DAN ELAUN-ELAUN

11. Pelarasan tunggakan gaji dan elaun-elaun yang tidak diselaraskan secara automatik hendaklah diinputkan melalui sistem E-Pay A3 menggunakan kod-kod gaji seperti berikut:

#### KAKITANGAN AWAM (KA)

KOD OBJEK	KOD GAJI	PERIHAL KOD
11601	630	Tunggakan Pelarasan Gaji KGTTK 2023
12611	658	Tunggakan Elaun Wilayah KGTTK 2023
11603	605	Tunggakan Elaun Memangku KGTTK 2023
12648	606	Tunggakan Elaun Wilayah - Pangku KGTTK 2023

## PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 2 TAHUN 2023

### KAKITANGAN TAK BERPENECEN (KTB)

KOD OBJEK	KOD GAJI	PERIHAL KOD
11701	676	Tunggakan Pelarasan Gaji KGTTK 2023
12711	680	Tunggakan Elaun Wilayah KGTTK 2023
12751	62E	Tunggakan Elaun Memangku KGTTK 2023
12749	62D	Tunggakan Elaun Wilayah - Pangku KGTTK 2023

12. Semua pelarasan tunggakan termasuk lebihan/kurangan bayaran hendaklah dibuat melalui Sistem E-Pay A3. Pelarasan boleh dibuat dan dihantar ke Seksyen Saraan mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan. Pelarasan KGTTK mestilah lengkap disokong oleh dokumen-dokumen berikut:

- 12.1 Borang Tunggakan (G1.1 / G2.2);
- 12.2 Surat Akuan Pergerakan Gaji Tahunan;
- 12.3 Lampiran Pemberian KGT Tambahan Khas; dan
- 12.4 Dokumen-dokumen berkaitan  
( mengikut keperluan kes pelarasan gaji anggota )

13. Sekiranya nama anggota tercicir daripada pelarasan KGTTK secara automatik, Jabatan/Kementerian/Pejabat Daerah hendaklah membuat pelarasan melalui Sistem E-Pay A3 menggunakan kod gaji pada Perenggan 10.

### POTONGAN CUKAI PENDAPATAN ,CARUMAN KWSP DAN CARUMAN PERKESO

14. Potongan cukai bulanan akan diselaraskan secara automatik melalui sistem Auto Cukai dengan mengambil kira pelarasan KGTTK pada bulan Mac 2023. Bagi gaji dan elaun-elaun yang tidak diselaraskan secara automatik pada bulan Mac 2023, potongan cukai akan dibuat secara automatik apabila tunggakan di inputkan melalui E-Pay A3.

15. Caruman KWSP akan diselaraskan secara automatik untuk caruman **BULAN MAC 2023 SAHAJA**. Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah hendaklah membuat pelarasan terhadap caruman yang tertunggak/terkurang bagi bulan Januari dan Februari 2023.

16. **Caruman PERKESO tidak diselaraskan secara automatik.** Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah hendaklah membuat pelarasan terhadap caruman yang tertunggak/terkurang bermula bulan Januari 2023.

### KAEDAH PEMBAYARAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN TAMBAHAN KHAS MELALUI BAUCAR BERASINGAN

17. Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) pada bulan Mac 2023 tetapi layak menerima KGTTK, maka pembayaran kepada anggota berkenaan boleh dibayar menggunakan Baucar Berasingan.

18. Pembayaran KGTTK melalui **Baucar Berasingan HANYA DIBENARKAN** bagi anggota yang gaji bulanannya telah dihentikan / dikeluarkan dari Sistem Gaji Pusat kerana **bersara, meninggal dunia, letak jawatan, tamat perkhidmatan dan seumpamanya tetapi layak dibayar berdasarkan syarat kelayakan dalam pekeling PPNS Bil.1/2023.**

## PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 2 TAHUN 2023

19. Pembayaran pelarasan tunggakan gaji melalui **Baucar Berasingan** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk anggota yang terkeluar/terhenti bayaran gaji melalui Sistem Gaji Pusat tetapi bukan disebabkan oleh perkara seperti di perenggan 18 atau disifatkan tidak layak berdasarkan pekeliling PPNS Bil. 1/2023.

20. Baucar bayaran hendaklah disediakan oleh Jabatan/Kementerian/Pejabat Daerah di mana anggota berkenaan sedang berkhidmat atau jabatan terakhir sebelum bersara dan menghantar baucar bayaran tersebut ke Seksyen Saraan, JBNS atau Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).

21. Ketua jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan baucar bayaran yang disediakan adalah lengkap dan teratur.

22. Bagi anggota yang dibayar gaji melalui **Akaun Pendahuluan Diri**, pembayaran pelarasan gaji baharu hanya boleh dibuat selepas mendapat pelantikan daripada pihak berkuasa melantik.

### TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

23. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab dalam memastikan pelarasan KGTTK yang dibuat adalah mematuhi syarat Pemberian KGTTK dan semua peraturan yang telah ditetapkan seperti mana yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2023.

24. Ketua Jabatan adalah juga bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot yang berkenaan adalah mencukupi untuk pembayaran KGTTK. Jika baki peruntukan yang berkenaan tidak mencukupi, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memohon pindah peruntukan (virement) atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

### PENUTUP

25. Sekiranya terdapat kemusyiklan mengenai pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan, JBNS melalui talian pejabat 088-368516 atau melalui alamat e-mel [AkiffZaqwan.Arif@sabah.gov.my](mailto:AkiffZaqwan.Arif@sabah.gov.my) untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian dan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah



(DATIN MARY ANGELA SIPAUN C.A(M), FCPA(A), ASEAN CPA)  
Bendahari Negeri

  
JG/DSS/aza

**“SABAH MAJU JAYA”**

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 2 TAHUN 2023**

s.k. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Bangunan KKR  
Jalan Sembulan  
88582 KOTA KINABALU  
(u.p: Ketua Penolong Pengarah Cawangan Akaun)

Pengarah  
Jabatan Pertanian Sabah  
Wisma Pertanian Sabah  
**88632 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan  
Jabatan Perhutanan Sabah  
Beg Berkunci 68  
**90009 SANDAKAN**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
**88576 KOTA KINABALU**  
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
**88400 KOTA KINABALU**

u.p: Puan Noraini Matalie  
Puan Rafidah Ali  
Hassan

Jabatan Bendahari Negeri Sabah Account System  
Control Centre (ACC)

u.p : Encik Yazid Yuzairie Yunos